

# BOLEHKAH BERI ZAKAT KEPADA BUKAN MUSLIM?

Sinar 7/1/2011 M4

“ISLAM ITU RAHMAT”

Anda Bertanya, Dr Mohd Asri Menjawab

Sila hantar soalan anda kepada:  
moasriza@yahoo.com

Sila layari Minda Tajdid di [drmaza.com](http://drmaza.com)



**SOALAN:** Prof Madya Dr Asri, saya ingin bertanya bolehkah orang bukan Islam mendapat peruntukan zakat? Saya difahamkan ada pendapat menyatakan golongan muallaf yang berhak dapat zakat itu, ada pendapat kata termasuk yang bukan Muslim, begitu juga fakir miskin. Tapi ada yang beritahu tidak boleh sehingga timbul isu politik. Saya rasa di Malaysia ini kita patut faham Islam dengan lebih luas. Harap tuan dapat berikan pencerahan kepada kami.

**Nuruddin, Selangor**

Pendapat yang membolehkan zakat bahagian muallaf diberikan kepada bukan Muslim dengan tujuan dakwah adalah lebih kukuh dan sangat relevan untuk masa kini.

**5** Walaupun Mazhab al-Syafii dan selainnya menyatakan nas Surah al-

sumbangan kewangan dan bantuan, mengapa tidak kita mengamalkan



## Jawapan Dr Maza:

Terima kasih saudara yang bertanya. Usaha saudara dan rakan-rakan untuk memahami Islam dengan lebih luas adalah sesuatu yang terpuji. Apatah lagi dalam isu-isu muamalat membabitkan interaksi antara agama yang memberi impak kepada perkembangan Islam. Untuk menjawab persoalan saudara, di sini saya sebutkan beberapa perkara;

**1** Masalah bolehkah bahagian sadaqah wajib atau yang dinamakan zakat diberikan kepada bukan Muslim adalah masalah khilafiyah (perbezaan pendapat) dalam kalangan fuqaha (sarjana fekah). Al-Imam al-Syafi'i r.h (w. 204H) berpendapat tidak boleh. Pendapat yang sama dikeluarkan fuqaha lain. Pendapat ini beliau sebutkan dalam karyanya yang terkenal al-Umm, katanya: "Golongan mualaf (merekah yang dijinakkan jantung hati) ialah sesiapa yang masuk Islam. Tidak diberikan sadaqah (zakat) kepada musyrik untuk menjinakkannya dengan Islam. Jika ada yang berkata: Ketika peperangan Hunain Nabi telah berikannya kepada sebahagian mualaf daripada kalangan musyrikin. (Jawapannya) itu adalah pemberian dari harta fai (harta rampasan), atau dari harta Nabi SAW sendiri. Bukan dari harta zakat". (al-Umm, 2/338. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi).

**2** Pendapat al-Imam al-Syafi'i r.h tersebut menjadi pegangan dalam Mazhab al-Syafii. Maka, kita dapati tokoh-tokoh dalam mazhab al-Syafii menegaskan hal sama. Ini seperti al-Imam al-Syirazi dalam al-Muhazzab, al-Imam an-Nawawi dalam al-Majmu' dan lain-lain. Berdasarkan asas 'kefufuran' itu menghalang bukan Muslim menerima peruntukan zakat, maka -dalam Mazhab al-Syafii mereka tidak boleh menerimanya, sama ada atas tiket kefufuran ataupun mualaf.

**3** Adapun jika kita melihat pendapat yang lain, sebahagian para fuqaha menyatakan mereka boleh menerima zakat atas peruntukan 'al-muallafah qulubuhum' iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Ini seperti dinaskan oleh al-Quran dalam Surah al-Taubah ayat 60. Peruntukan ini merangkumi mereka yang masih kafir dan telah menjadi Muslim. Kata al-Imam Ibn Qudamah (w. 620): "Muallaf itu dua bahagian: kuffar dan Muslimin yang mana mereka itu pemimpin yang ditaati dalam kaum dan keluarga mereka. Bahagian kuffar ini pula ada dua kelompok: pertama; orang yang diharapkan dia menganut Islam, maka diberikan zakat agar hasrat keislamannya bertambah dan jiwanya cenderung kepada Islam, lalu dia menjadi Muslim... kelompok kedua; orang yang dibimbangi kejahatannya. Diharapkan dengan pemberian kepadanya akan menghalang kejahatannya dan mereka yang bersamanya.." (Ibn Qudamah, al-Mughni 9/317. Kaheran: Hijr).

**4** Inilah pendapat yang ditarjihkan (dinilai lebih kuat pengujahannya) oleh Dr Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh al-Zakah, Dr Abd al-Karim Zaidan dalam al-Mufassal, juga Dr Umar Sulaiman al-Asyqar dalam kertas Ta'lif al-Qulub 'ala al-Islam bi Amwal al-Sadaqah dan lain-lain. Maka, berdasarkan pendapat ini boleh diberikan zakat bahagian mualaf kepada bukan Muslim yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat mereka yang diharapkan pemberian itu menggalakkan dia atau pengikutnya menerima Islam, atau mengurangkan sikap permusuhan dengan Islam. Pendapat ini disokong pelbagai riwayat yang mana Nabi SAW memberikan kepada pemimpin-pemimpin Arab yang masih kafir seperti Sofwan bin Umayyah. Sehingga Sofwan pernah berkata: "Demi Allah! Rasulullah SAW memberikan kepadaku begitu banyak. Dahulunya, dia adalah orang paling aku benci. Dia terus memberi kepadaku sehingga dia menjadi orang paling aku sayangi" (Riwayat Muslim).

**5** Taubah itu bermaksud mereka yang sudah menganut Islam dan kisah Nabi SAW memberikan harta kepada pembesar-pembesar Arab yang masih kafir itu diambil dari peruntukan selain zakat, namun di sana ada ayat al-Quran lain yang menunjukkan Nabi memberikan sadaqah kepada bukan Muslim. Firman Allah dalam Surah al-Taubah ayat 58-59: (maksudnya) "dan antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (mengikuti kehendak mereka) mereka suka, dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta-merta mereka marah. Dan (alangkah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa diberikan Allah dan RasulNya kepada mereka dan berkata: "cukuplah Allah bagi kami; Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga RasulNya; Sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah". Kata Dr Umar Sulaiman al-Asyqar: "Nas ini amat jelas bahawa golongan ini yang mendapat sadaqah, pemberian tersebut adalah untuk menjinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Pasti belum menganut Islam jantung hati orang mencela Rasulullah SAW mengenai zakat". (ibid). Ertinya, mereka itu belum menganut Islam, jika tidak, mana mungkin mereka mencela Rasulullah SAW kerana itu perbuatan kufur. Justeru, ayat ini memberi maksud Rasulullah SAW memberikan zakat kepada bukan Muslim untuk dijinakkan jantung hati mereka pada zaman baginda.

**6** Bagi saya, pendapat yang membolehkan zakat bahagian mualaf diberikan kepada bukan Muslim dengan tujuan dakwah adalah lebih kukuh dan sangat relevan untuk masa kini. Hari ini Islam disalahfahami dan dituduh sebagai agama negatif. Pemberian zakat kepada mualaf yang sudah Muslim dan belum Muslim dapat membantu memelihara keindahan Islam. Jika kita bimbang aktiviti dakwah agama lain menggunakan

pendapat ulama yang membolehkan pemberian zakat mualaf kepada mereka yang bukan Muslim untuk menarik minat kepada Islam?!

**7** Selain peruntukan zakat kepada bukan Muslim atas nama mualaf, ulama juga berbeza pendapat tentang peruntukan zakat fakir miskin kepada bukan Muslim. Jumhur (majoriti) berpendapat tidak boleh. Namun, Dr Yusuf al-Qaradawi mentarjihkan bahawa ia dibolehkan (lihat: Fiqh al-Zakat, 2/707). Antara dalil dalam hal ini, Saidina Umar ketika membaca firman Allah dalam Surah al-Taubah ayat 60 itu: (maksudnya) "Sesungguhnya sadaqah itu untuk golongan fakir...", beliau berkata: "Pada zamanku ini mereka itu adalah Ahli Kitab (Yahudi dan Kristian)" (Riwayat Ibn Abi Syaibah).

**8** Sarjana fekah bersepakat, peruntukan zakat tidak boleh diberikan kepada kuffar yang memerangi Islam atau golongan kafir harbi. Ini berasaskan firman Allah: (maksudnya): "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan memberikan sumbangan harta kepada orang-orang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. dan (ingatlah), sesiapa menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang zalim". (Surah al-Mumtahanah 8-9). Namun bagi yang tidak memerangi Islam; sama ada mereka warga negara umat Islam, atau yang ada perjanjian keamanan dengan kerajaan umat Islam, atau anak-anak dan kaum wanita kafir harbi yang bapa mereka memerangi tetapi mereka tidak terlibat, boleh diberikan peruntukan zakat mualaf atau fakir miskin ini.